

PENUTUP

BAB PENUTUP

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan

Di dalam bab yang terakhir ini, penulis akan cuba untuk mengemukakan beberapa rumusan dan kesimpulan yang boleh diambil daripada keseluruhan kajian ini.

A. Kesimpulan Kajian

Setelah menempuh kajian dan perbincangan yang panjang lebar berkenaan sistem jual-beli menurut Islam, perbincangan tentang *gharar*, selok-belok pelbagai urusaniaga saham di BSKL serta meneliti pandangan-pandangan ulama' dan cerdik pandai Islam berhubung dengan urusaniaga-urusaniaga tersebut, maka secara keseluruhannya kajian ini telah telah menemui beberapa kesimpulan penting seperti berikut ;

- i- Jual-beli adalah satu aktiviti yang begitu penting kepada orang ramai dalam usaha untuk memenuhi keperluan hidup masing-masing. Seorang manusia itu tidak mampu untuk hidup bersendirian tanpa bergantung kepada orang lain untuk memenuhi keperluannya. Sistem jual-beli dianggap satu keperluan asas kepada manusia yang telah mengambil alih sistem pertukaran barang yang lama iaitu sistem barter. Sistem jual-beli tidak boleh dipandang ringan atau diambil

sambil lewa sahaja kerana ia melibatkan keperluan dan kepentingan orang ramai. Oleh itu, perlu ada satu bentuk sistem jual-beli yang kemas dan sempurna serta mesti dipatuhi oleh orang ramai agar tidak berlaku sebarang eksploitasi dan penganiayaan terhadap sesetengah pihak. Sistem urusniaga yang cekap kemas, sistematik, adil dan bijak itu merupakan keperluan daruri manusia hari ini.

ii- Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna dan ia dicipta oleh Allah s.w.t. dalam bentuk yang begitu sesuai untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Kesempurnaannya itu meliputi keseluruhan keperluan hidup manusia baik dalam bentuk pegangan hidup (aqidah), amalan ritual (ibadah), sistem kekeluargaan, sistem undang-undang masyarakat, negara dan antarabangsa. Ia termasuklah sistem jual-beli yang begitu lengkap menyeluruh dan mampu untuk menjaga kemaslahatan orang ramai iaitu dengan menggariskan sempadan-sempadan negatif sebagai batasan yang tidak boleh dilangkaui seperti riba, gharar, penipuan dan sebagainya agar segala urusan jual-beli itu berpusat dalam ruang-lingkup yang suci lagi terhindar dari sebarang kezaliman. Dalam sistem jual-beli Islam juga, keadaan *al- 'āqīd*, barang jualan dan bagaimana proses akad dilakukan telah diberi perhatian dengan begitu teliti.

iii- Islam mengharamkan riba kerana ia dianggap satu penindasan atau satu eksploitasi oleh sebelah pihak terhadap sebelah pihak yang lain. *Gharar* pula dilarang kerana ia dikira sebagai satu peluang atau satu

kaedah perniagaan untuk cuba melakukan eksploitasi apabila berada dalam keadaan yang tidak pasti. Sementara aktiviti penipuan pada barangan seperti dalam timbangan, sukatan atau kecacatan yang disembunyikan amat dilarang. Begitu juga larangan terhadap kegiatan menyorok barangan keperluan dengan tujuan untuk menaikkan harganya juga boleh dianggap cuba mengeksploitasikan keadaan yang dibuat-buat. Sementara aktiviti menjual barang yang diharamkan oleh Islam seperti arak atau menjual barangan yang membantu aktiviti maksiat seperti jualan anggur untuk dibuat arak juga menjadi satu larangan yang bertujuan untuk menyekat daripada berleluasanya sebarang aktiviti negatif yang berpunca daripadanya. Secara umumnya setiap perkara yang diambil berat oleh Islam itu pastinya terdapat satu masalah yang besar kepada orang ramai. Peraturan yang dibentuk sedemikian rupa itu bukanlah sengaja dibuat untuk menyusahkan orang ramai, jauh sekali ianya dibuat tanpa bersandarkan satu keperluan yang jelas. Dengan erti kata yang lain setiap peraturan yang digariskan itu benar-benar bermanfaat untuk menjaga maslahat orang ramai.

- iv- *Gharar* yang melampau (*fāḥish*) adalah di antara perkara yang ditegah kewujudannya di dalam mana-mana urusan niaga. Ia dimaafkan pula jika unsurnya itu dikira sedikit kerana unsur *gharar* amat sukar untuk dielak sepenuhnya dalam proses urusan niaga yang melibatkan pelbagai jenis barang dan ia boleh berlaku pula dalam pelbagai keadaan yang sukar ditentukan. *Gharar* lebih sesuai jika difahami dengan makna

ketidakpastian iaitu ketidakpastian pada *al-ma'qūd 'alayh* sama ada pada sifat, sukatan atau keadaannya dan pada kesudahan akad iaitu sama ada barang jualan tersebut dapat diserahkan atau tidak. Keadaan yang tidak pasti ini boleh dieksploitasi oleh pihak penjual untuk memperdayakan pihak pembeli dan dalam hal ini biasanya pihak pembelilah yang berhadapan dengan pelbagai risiko kerugian. Keadaan yang tidak pasti ini juga kadang-kala boleh digunakan dengan sengaja oleh pihak penjual untuk menipu pihak pembeli yang tidak berwaspada. Pihak yang mengalami kerugian akibat daripada unsur *gharar* ini akan merasakan dirinya tertipu atau diperdayakan dengan begitu licik dan ini tentunya akan mengakibatkan suatu perselisihan, perbalahan dan kemungkinan yang lebih dahsyat lagi hingga membawa kepada pertumpahan darah. Oleh itu, Islam menyekat aktiviti urusniaga sebegini dalam usaha untuk mewujudkan kestabilan dan ketenteraman orang ramai.

- v- BSKL yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1973 merupakan sebuah pasar urusniaga saham yang tersusun, sistematik dan cekap. Urusniaga saham di BSKL tidak sama seperti urusniaga di pasaran biasa di mana kontrak-kontrak urusniaga saham dilakukan melalui proses dan prosedur yang tertentu seperti sistem penawaran melalui *WinSCORE*, sistem penyelesaian melalui *SCANS*, sistem penjagaan skrip melalui *CDS* dan sebagainya. BSKL bergerak di bawah beberapa akta dan undang-undang yang digubal untuk menjaga dan mengawal aktiviti urusniaga saham agar ia dapat beroperasi secara teratur dengan

menjamin hak-hak penjual, pembeli dan pihak broker. Akta Industri Sekuriti 1983 (*SIA*) misalnya digubal bagi mewujudkan sistem pengawasan yang lebih berkesan dalam kegiatan dan perkembangan industri ini. Secara umumnya, setiap urusan direkodkan dan setiap tindakan mana-mana pihak akan dipertanggungjawabkan atau ringkasnya segala masalah orang ramai akan diberi keutamaan.

- vi- Umumnya, BSKL bertindak sebagai medium perantara yang menghubungkan di antara penjual dengan pembeli saham. Tugas yang dilakukan adalah menyenaraikan tawaran jualan saham dan menyelesaikan pula tawaran pembelian saham tersebut. Walau bagaimanapun, aktiviti urusan saham itu dirancarkan lagi oleh para pelabur yang menggunakan pelbagai cara atau kaedah untuk mendapatkan keuntungan. Selain daripada urusan biasa, para pelabur juga menggunakan kaedah urusan kontra, jualan singkat dan urusan margin. Urusan opsyen juga dilakukan bagi menggalakkan lagi aktiviti pembelian saham yang diceburi oleh orang ramai. Urusan Terbitan Awam pula tidak dilakukan di BSKL sebaliknya ia dilakukan secara terus di antara pembeli dengan syarikat yang terbabit.
- vii- Saham adalah menggambarkan satu bahagian pegangan dalam modal syarikat. Pegangan ini boleh ditukar milik melalui pelbagai cara di antaranya ialah melalui jual-beli. Saham adalah sejenis harta pemilikan seseorang di mana ia akan diwarisi kepada ahli waris sekiranya

pemilik saham berkenaan meninggal dunia, di samping itu ia boleh digadaikan dan ia juga mempunyai pulangnya (dividen) yang tersendiri. Nilai muka sesuatu saham tidak semestinya sama dengan nilai sebenarnya di pasaran. Kemungkinan ada seseorang yang ingin menjualnya dengan harga yang lebih murah disebabkan sesuatu masalah seperti ingin mendapatkan wang tunai dengan segera. Bahkan boleh jadi juga sesuatu saham itu akan ditawarkan untuk dibeli dengan harga yang lebih mahal disebabkan prospek masa depannya yang begitu cerah. Oleh kerana ia mempunyai suatu nilai manfaatnya yang tersendiri, maka ia dikira sebagai satu bentuk harta yang boleh diperdagangkan kepada orang ramai.

- viii- Saham Terbitan Awam (*IPO*) ialah saham yang mula-mula sekali diterbitkan oleh sesebuah syarikat yang baru ditubuhkan atau sesuatu syarikat yang ingin membesarkan modalnya. Saham ini ditawarkan kepada orang ramai secara terbuka melalui iklan-iklan di akhbar-akhbar dan sebagainya. Urusniaga ini dilakukan secara terus di antara syarikat terbabit dengan orang ramai tetapi ia dilaksanakan secara tidak bersemuka, iaitu sama ada melalui pos, faks, *ATM* dan sebagainya. Urusniaga ini dikategorikan sebagai urusniaga tanpa kehadiran *al-‘aqid* (*bay‘ ghā‘ib al-‘āqid*). Terdapat beberapa syarat yang mesti dipatuhi dalam konteks ini khasnya berkenaan dengan konsep ‘satu majlis’ akad iaitu dalam proses ijab dan kabul dilakukan serta persoalan jaminan keselamatan wang pelanggan yang diserahkan untuk pembelian tersebut. Kedua-dua persoalan tersebut diselesaikan

melalui kaedah syarat-syarat *‘urf* perniagaan yang diiktiraf oleh syarak dengan tambahan penggubalan beberapa undang-undang bagi menjamin urusaniaga tersebut. Penggubalan undang-undang tambahan ini dikira sebagai satu tindakan menjaga masalah orang ramai dan boleh dimasukkan sebagai undang-undang *ta’zīr*.

- ix- Pembelian saham di BSKL itu sendiri dikira sebagai harus pada asas bentuk operasi niaganya dalam proses penawaran dan permintaan yang dilakukan. Kecuali bagi saham-saham syarikat dan instrumen kewangan yang tidak selaras dengan sistem perniagaan Islam. Dalam kajian ini, penulis hanya memberi penumpuan kepada bentuk urusaniaga yang dijalankan itu sahaja, sementara instrumen kewangan yang dikaji pula hanyalah saham ekuiti atau opsyen ekuiti sahaja. Persoalan asas yang ditimbulkan ialah keadaan kedua-dua *al-ma’qūd ‘alayh* yang tidak diserahkan dalam majlis akad tetapi diserahkan beberapa hari berikutnya.

Penulis mendapati bahawa sebahagian fuqaha’ tidak mensyaratkan barang tersebut mestilah diserahkan dalam majlis akad itu juga, malah menurut mereka adalah harus jika barang tersebut dapat diserahkan menurut adatnya pada satu masa yang akan datang. Mereka menjadikan *bay’ al-salam* dan *bay’ al-istiṣnā’* sebagai asas sandaran hujah mereka. Sebahagiannya pula mengharuskan penangguhan selama 3 hari iaitu tempoh kebiasaan bagi *khiyār sharṭ*. Pendapat yang melarang penangguhan ini pula berhujjah dengan

kewujudan *gharar* yang besar akibat penangguhan tersebut. Akan tetapi keadaan urusniaga di BSKL tidak sama dengan urusniaga biasa di luarnya. Proses dan prosedur urusniaga di BSKL itu sendiri telah menjadikan unsur *gharar* tersebut kecil (*yasīr*) sahaja.

- x- Jualan Singkat ialah jualan sesuatu saham yang bukan kepunyaan si penjual yang terbabit sama ada saham berkenaan belum dipunyai lagi olehnya atau beliau meminjam saham tersebut daripada orang lain. Menjual saham yang belum dimiliki lagi adalah termasuk di dalam konteks *bayʿ al-maʿdūm*. Punca larangan terhadap *bayʿ al-maʿdūm* ini ialah kerana sifat-sifat barang itu tidak dapat diketahui serta ketidakpastian dalam penyerahan barang tersebut dilakukan. Para ulama' telah berbeza pendapat terhadap *bayʿ al-maʿdūm*, sebahagian mereka melarangnya secara mutlak sementara sebahagian fuqaha' yang lain pula mengharuskan *bayʿ al-maʿdūm* ini dengan beberapa syarat iaitu sifat-sifat barang tersebut hendaklah dipastikan terlebih dahulu sama seperti dalam *bayʿ al-salam* dan *istiṣnāʿ*, konsep *khiyār al-ru'yah* juga perlu diambil kira jika berlaku pemungkiran janji, malah ia perlu juga dinilai menurut konsep *ʿurf* para peniaga. Apa yang penting di dalam penetapan syarat-syarat ini ialah untuk menjaga masalah orang ramai.

Persoalan ketidaktahuan terhadap sifat-sifat saham tidak timbul kerana setiap tawaran jualan saham mestilah lengkap dan ia akan dicetak di atas penyata urusniaga serta akan dimasukkan ke dalam

komputer pusat BSKL untuk diniagakan. Penggunaan konsep *khiyār al-ru'yah* juga tidak timbul kerana sebarang penghantaran saham dilakukan melalui catatan ke dalam buku akaun *CDS* pelanggan yang diuruskan oleh pihak *MCD* secara cekap di mana tidak akan berlaku kesilapan atau perbezaan sifat-sifat saham yang ditawarkan dengan yang diserahkan. Penjual yang menipu pelanggan akan dikenakan denda iaitu satu 'belian masuk' akan dikenakan kepadanya sehingga menyebabkan pihak pembeli tidak akan teraniaya.

- xi- Bagi aktiviti jualan singkat melalui penggunaan saham orang lain pula, terdapat dua kaedah yang digunakan, sama ada kaedah pinjaman *al-igrād* atau kaedah sewaan *al-ijārah bi idhn al-bay'*. Kaedah pinjaman *al-igrād* digunakan apabila seseorang itu meminjam saham orang lain tanpa dikenakan apa-apa bayaran atau caj. Beliau hanya perlu memberikan wang cagaran atau sejumlah deposit tertentu sahaja. Dalam konteks *al-igrād*, peminjam boleh melakukan apa sahaja terhadap barang pinjaman tersebut termasuk menjualnya kerana yang penting ialah barang pinjaman tersebut atau barang gantiannya itu nanti mestilah dipulangkan semula kepada pemiliknya yang sebenar apabila sampai tempoh masa yang dipersetujui.
- xii- Kaedah sewaan *al-ijārah bi idhn al-bay'* pula digunakan apabila pinjaman saham yang dibuat itu dikenakan sejumlah caj yang tertentu mengikut bilangan hari ia digunakan. Bayaran caj ini dikira sebagai bayaran sewa menggunakan saham tersebut. Di antara manfaat saham

yang boleh diperolehi oleh seseorang itu ialah melalui keuntungan hasil daripada urusniaga yang dilakukannya. Di antara persoalan yang timbul pula ialah barang sewaan sepatutnya tidak boleh dijual tetapi hanya digunakan sahaja. Persoalan yang ditimbulkan ini ada kebenarannya, sebab itulah akad ini diberi nama khas yang panjang dan bersesuaian dengan konsepnya iaitu 'akad sewaan dengan izin menjual', justeru ia dikira sebagai satu akad yang baru mengikut kesesuaian sejenis urusniaga masa kini. Ia dianggap dapat memenuhi masalah kedua-dua belah pihak yang berakad serta bebas daripada sebarang unsur penindasan, penipuan dan unsur negatif yang lain.

- xiii- Jualan Kontra pula bermaksud sesuatu belian saham itu mestilah ditampung dengan sesuatu jualan saham kemudiannya dalam tempoh masa yang tertentu. Urusniaga ini mengambil kesempatan daripada sistem penyelesaian *SCANS* yang mengambil masa selama 3 hari untuk menyelesaikan sesuatu urusniaga. Ia berlaku apabila sesuatu saham yang dibeli itu dijual semula sebelum saham tersebut dimasukkan ke dalam akaun *CDS* pembeli berkenaan. Pembeli terbabit tidak perlu membayar harga pembelian saham tersebut kerana harga itu akan ditampung dengan harga jualan saham berkenaan yang dibuat kemudiannya. Persoalan yang ditimbulkan ialah berkenaan dengan larangan menjual barang sebelum diterima (*bay' mā lam yuqbad*) kerana wujudnya unsur *gharar* pada sifat dan dalam penyerahan barang berkenaan. Menurut pengamatan penulis, tidak semua barang dilarang penjualannya sebelum diterima kerana para fuqaha' masih

berbeza pendapat dalam hal ini. Apa yang penting ialah *'illah* pengharaman tersebut di mana penulis mendapati para fuqaha' telah menetapkan *'illahnya* sama ada kerana untuk mengelak daripada berlakunya riba, penipuan atau mengelak daripada berlakunya kecacatan barang atau perubahan sifatnya ketika ia berpindah milik. Dalam urusan niaga kontra di BSKL, didapati tiada unsur riba, penipuan atau kerosakan saham berlaku tetapi ia adalah satu manipulasi urusan niaga saham secara terkawal dengan menjaga masalah kesemua pihak yang terbabit.

- xiv- Urusniaga Margin bermaksud satu pembelian saham yang dibiayai sebahagiannya atau sepenuhnya oleh firma broker pembeli secara pinjaman di mana keuntungan akan dirasai apabila wujudnya margin keuntungan iaitu apabila nilai saham naik melebihi nilai belian. Pelabur akan dibenarkan mengeluarkan lebih nilai modal daripada akaunnya. Begitu juga dengan kerugian di mana ia akan dirasai apabila harga saham itu jatuh dan pelabur mestilah membuat suatu pembayaran kepada pihak brokernya untuk mengekalkan nisbah pinjaman yang dibuatnya itu. Penulis mendapati bahawa urusan niaga margin menggunakan konsep jual-beli yang biasa, cuma bezanya ialah cara bagaimana sesuatu keuntungan atau kerugian itu diuruskan. Persoalan *gharar* tidak ditimbulkan dalam konsep urusan niaga ini tetapi hanya persoalan riba yang ditimbulkan iaitu apabila berlakunya pertambahan harga dalam bayaran balik pinjaman tersebut. Masalah

riba dalam konteks ini telah diselesaikan oleh sesetengah pihak melalui sistem kewangan *al-murābahah*.

- xv- Opsyen ialah satu tawaran untuk membeli sesuatu saham pada masa hadapan mengikut harga yang tertentu dan pada tarikh akhir tawaran tersebut pembeli opsyen ini diberi pilihan sama ada ingin meneruskan pembelian saham berkenaan atau tidak. Beliau hanya perlu membayar harga pelengkap sahaja sekiranya ingin membeli saham berkenaan tetapi beliau akan kehilangan wang belian (premium) opsyen berkenaan jika pembelian saham itu tidak dilaksanakan. Konsep *bay' al-ʿurbūn* dilihat lebih menghampiri kepada konsep urusniaga opsyen. *Bay' al-ʿurbūn* bermaksud satu jual-beli melalui tempahan dengan membayar wang cengkeram atau deposit terlebih dahulu kepada penjual. Harga jualan saham telah ditentukan secara pasti terlebih dahulu tanpa mengira perubahannya ketika belian penuh dibuat nanti dan bukanlah bergantung sepenuhnya mengikut harga di pasaran saham ketika pembelian saham sebenar dilakukan. Persoalan *gharar* hanya akan timbul jika harga saham, jenis saham dan kuantiti saham berkenaan tidak ditentukan secara pasti terlebih dahulu. Penyerahan saham yang ditawarkan melalui opsyen tersebut akan dilakukan seperti yang telah dijanjikan kerana urusniaga ini dikawal sepenuhnya oleh anak syarikat BSKL iaitu di *KLOFFE*. Sebarang penyelewengan akan diambil tindakan sewajarnya untuk menjamin hak pembeli opsyen berkenaan. Persoalan *gharar* akan timbul sekali lagi dalam penyerahan saham yang ditawarkan itu jika ia dilakukan di luar BSKL atau di luar

kawalan yang sempurna. Oleh itu, setakat ini penulis mendapati bahawa urusniaga opsyen tidak bertentangan dengan garis panduan *fiqh al-muʿāmalāt* terutamanya yang berhubung dengan masalah *gharar*.

B. Cadangan-Cadangan

Terdapat beberapa cadangan yang dapat penulis kemukakan setelah meneliti beberapa kesimpulan penting yang disebutkan di atas, iaitu ;

- i- Sistem urusniaga secara Islam yang telah dibuktikan lengkap dan adil itu perlu diterima pakai secara keseluruhan oleh semua pihak yang terbabit di BSKL dan juga syarikat-syarikat broker saham. Sistem urusniaga Islam yang bebas daripada riba, *gharar* dan sebagainya perlu dipraktikkan secara menyeluruh dan tidak hanya dalam beberapa skop yang tertentu sahaja. Pembelian saham secara Islam pula mestilah diwajibkan kepada semua pelabur-pelabur dan bukannya sekadar satu alternatif sahaja kerana orang-orang Islam dilarang daripada melakukan perkara dosa atau membantu aktiviti tersebut.
- ii- Sebelum sesuatu modul urusniaga saham yang baru itu hendak diperkenalkan, ia mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti agar bentuk-bentuk urusniaga yang dilarang oleh Islam tidak dilakukan.

- iii- Urusniaga margin perlu diteliti semula operasinya kerana pada hemat penulis ia mempunyai ruang yang besar untuk menjadikan seseorang pemain saham mengalami kerugian besar. Jika untung pun, dia terpaksa menampung bayaran pinjaman dan jika rugi pula dia terpaksa membayar kerugian dan pinjaman itu serentak. Bahkan ia boleh memufliškannya jika kerugian tersebut dialami secara berturut-turut.
- iv- Jualan singkat bagi saham pinjaman sama ada dikenakan caj atau tidak yang didapati tidak bertentangan dengan syarak perlu ditarik semula penggantungannya. Walaupun penulis tidak mengkaji kesannya ke atas pasaran tetapi penulis percaya ia akan memberi suntikan yang besar kepada pasaran saham dan akan mencergaskannya lagi terutamanya di saat kelembapan dan kekurangan modal yang berlaku di pasaran saham kini.
- v- Satu kajian yang lengkap terhadap kesemua urusniaga saham mestilah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab dan ia mestilah dikemukakan dengan penuh wibawa dan menyakinkan kepada orang ramai. Ia bertujuan untuk menghilangkan kesamaran dan keraguan kepada orang-orang Islam terhadap kedudukan permainan saham tersebut. Ini sedikit sebanyak akan menambahkan pengetahuan yang tepat dan secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah orang-orang Islam yang akan menceburi bidang ini. Ia juga akan mengubah pandangan negatif sebahagian umat Islam kepada mereka yang terlibat dalam sektor ini. Kajian itu pada hemat penulis boleh diusahakan oleh

sama ada pihak Suruhanjaya Sekuriti sendiri, pihak BSKL, BIMB *Securities* atau mana-mana universiti terkemuka di negara ini. Seterusnya ia mestilah diterbitkan dalam apa juga bentuk agar boleh menjadi bahan bacaan, bahan tontonan atau rujukan masyarakat dari semasa ke semasa.

- vi- Pengajian berhubung dengan urusanniaga saham secara Islam ini perlu juga dimasukkan ke dalam sukatan pengajian di peringkat sekolah menengah tinggi (SPM atau STPM) dan di peringkat pengajian tinggi, sama ada ia diajar secara langsung di fakulti pengajian Islam, fakulti perniagaan dan sebagainya. Ia bertujuan memberikan pendedahan secara yang lebih efisien dan teratur kepada masyarakat berkenaan dengannya.

Diharapkan dengan pendedahan tersebut akan menjadikan sistem urusanniaga saham secara Islam kelihatan amat sesuai untuk setiap zaman dan tanggapan yang lebih positif lagi akan diberikan terhadap Islam itu sendiri. Ia juga akan mengajar orang-orang Islam bagaimana mencari rezeki yang halal dalam urusanniaga saham. Bahkan diharapkan semoga penglibatan orang-orang Islam di dalam sektor ini akan lebih ramai lagi berbanding dengan sebelum ini.

Wa Allāh a'lam bi al-ṣawāb.